

Pengaruh dan Hasil Keimanan

Sebagai orang Islam kita tentu tahu apa dia **Iman**. Iman ialah “kepercayaan” dan “keyakinan”

yang penuh di dalam hati sanubari kita terhadap Allah Seru Sekalian Alam. Di samping itu wajib kita

percaya kepada rukun-rukun iman yang lain yaitu percaya kepada malaikat, rasul-rasul Allah, kitab-kitab Allah, Hari

Kiamat, untung baik dan untung jahat, yang datangnya dari Allah Pencipta Alam Semesta.

(Oleh: Abdul Hamid Haji Khatib)

Percaya kepada Allah:

Mustahil kita tidak percaya kepada Allah. Percaya kepada Allah adalah satu naluri kepada manusia. Manusia sejak zaman dahulu kala lagi tahu bahawa ada satu kuasa yang maha besar yang mencipta dirinya, dan alam keseluruhannya. Oleh sebab itulah manusia percaya kepada suatu kuasa ghaib Yang Maha Besar itu.

Cuba kita menungkan sebentar dan fikir dengan teliti tentang kejadian diri kita. Nescaya kita kagum dengan kejadian diri kita itu. Schinggakan ahli-ahli sains yang pakar pun berasa hairan tentang kejadian manusia ini. Bahkan hingga kini ahli-ahli sains yang pakar belum habis-habis mengkaji tentang anggota-anggota manusia. Manusia ini pula terjadi dari dua perkara – jasmani dan rohani. Bila disebut hal rohani, makin lagi dalam pengkajiannya. Fikirlah siapa menjadikan kita manusia ini sehingga begitu kompleks. Bolehkah kita terjadi dengan sendirinya? Mengapa kita boleh mati? Ke mana

pula perginya nyawa kita itu? Mengapa kita tidak nampak nyawa? Ini semua adalah bahan pemikiran untuk kita mengenal diri kita dengan lebih rapat lagi.

Allah Maha Pencipta:

Apabila kita fikirkan dalam-dalam maka tentu sekali kita akan mengaku bahawa tentu ada suatu kuasa Yang Maha Besar yang menjadikan kita ini. Adakah kuasa itu berlembaga yakni boleh dilihat dengan mata kasar? Tentu sekali tidak. Jikalau nampak tentu kita akan bertanya lagi, “Siapa pula yang menjadikan lembaga itu?” Tentu ada pula lagi kuasa lain yang menjadikannya jadi lembaga itu bukannya Allah. Sebab Allah itu pencipta segala-galanya. Jika Ia pencipta segala-galanya tentulah Ia berlainan daripada benda-benda yang dicipta-Nya. Jadinya Allah itu tidak bersifat seperti segala-gala benda yang dijadikan-Nya, seperti manusia, jin, hantu, gunung, binatang dan lain-lain lagi. Kita mustahil dapat melihat Allah dengan mata kasar, tetapi kita dapat mengenal Allah dengan mata hati kita.

Apakah yang dimaksudkan dengan

“dapat mengenal Allah dengan mata hati itu? Inilah perkara yang hendak kita bincangkan sekarang.

Cara-cara mengenal Allah:

Mula-mula hendaklah kita dengan secara bersendirian mengaku dengan adanya Allah, Yang Maha Suci dari segala kekurangan dan kelemahan. Pengakuan ini dapat ditanam di dalam hati dengan cara berfikir akan kejadian kita dan kejadian-kejadian alam sekeliling kita. Dengan cara membaca, mendengar, dan belajar ilmu-ilmu agama dan kemudian memikirkannya dengan secara mendalam, tentu akhirnya kita akan mencapai konklusi yang sebenarnya Allah itu ada dan Maha Suci dari segala sifat-sifat kekurangan dan kelemahan tadi.

Apabila kita telah mengaku dengan hati bahawa Allah itu ada dan Maha Kuasa, maka timbullah keyakinan dan kepercayaan terhadap Allah. Keyakinan ini makin sehari makin mendalam apabila kita sentiasa berfikir akan sifat-sifat Allah, dan mengingat-Nya setiap detik. Keyakinan yang 100% dalam hati itulah yang dinamakan kita telah sempurnanya beriman kepada Allah.

Setelah iman tadi begitu mendalam,

Islam dan Kepercayaan.

maka kita akan bertambah cenderung untuk melengkapkan diri kita dengan mengenal Allah lebih dekat lagi. Kita cenderung untuk belajar agama, cenderung untuk meninggalkan segala larangan Allah dan sentiasa menunaikan segala suruhan-Nya, cenderung untuk membuat baik sesama makhluk, bahkan segala kecenderungan yang membawa kebaikan. Jadinya iman itu adalah suatu tenaga yang mendorong seseorang membuat kebaikan.

Iman pembina akhlak:

Iman juga ialah pembina akhlak yang suci murni. Seseorang yang penuh beriman, sedar bahawa Allah itu tidak suka kepada perkara yang meruntuhkan budi pekerti dan akhlak. Hatinya sentiasa mendorongnya supaya bersifat dengan budi pekerti yang tinggi. Imannya tadi sentiasa membawanya ke jalan yang benar. Sesungguhnya Allah memberi pertunjuk ke jalan yang benar bagi mereka yang penuh beriman. Allah membina akhlak orang-orang yang beriman kepada akhlak yang suci. Orang-orang yang beriman tidak suka menyakiti orang, mengumpat orang, menganiaya orang, kerana mereka tahu, itu adalah perkara yang tidak baik, dan iman mereka itu menjauhkan mereka daripada membuat perkara-perkara yang keji dan tak diingini.

Dengan keimanan kita menjadi penyabar. Dengan sendirinya kita tanam sifat sabar tadi di hati kita. Apabila kita dihalangi oleh sesuatu perkara yang menyusahkan kita, kita tidak mudah berasa putus asa. Tidak mudah hilang akal. Tidak

mudah marah-marah. Dengan iman kita itu segala-gala sifat yang tidak baik itu akan hapus. Sebaliknya hati kita disaduri penuh dengan sifat kesabaran yang sebenar-benarnya.

Tiap-tiap orang yang beriman tahu bahawa Allah jua yang berkuasa dan berjaya atas segala-gala pekerjaan-Nya. Sebagai makhluk, kita tentu sedar bahawa kita ini ada kekurangan. Sifat kekurangan itu adalah sifat makhluk. Sebaliknya Allah itu tidak langsung mempunyai sifat-sifat kekurangan. Allah itu berkuasa menolong kita. Apabila terhalang sesuatu pekerjaan kita, hendaklah kita sabar. Itu adalah ujian keimanan. Bukankah sabar itu sebahagian daripada iman? Ini menunjukkan bahawa orang-orang yang beriman itu penyabar.

Iman menanam sifat keberanian:

Perasaan takut tidak sekali ada di hati orang-orang yang beriman. Orang-orang yang beriman hanya takut kepada Allah sahaja. Misalnya kita selalu takut berjalan di malam hari yang gelap gelita, kononnya hantu dan jin banyak berkeliaran. Tetapi apabila iman tadi telah mendalam meresap di hati sanubari kita, kita tidak langsung berasa takut, kerana kita tahu bahawa hantu dan jin itu tiada berkuasa memudaratkan kita, jika tidak diizinkan Allah. Oleh itu apa guna takut. Berserahlah kita kepada Allah, nescaya Allah akan menolong kita sepanjang masa.

Lihatlah pahlawan-pahlawan Islam di zaman silam. Mereka sanggup melawan musuh yang berpuluh-puluh kali ganda bilangannya dan lengkap pula dengan alat persenjataannya. Kenapa mereka begitu berani dan sentiasa beroleh

kemenangan? Rahsianya adalah satu yaitu “**keimanan**” yang sejati terhadap Allah. Mereka tahu berapa besar angkatan perang yang dihadapi dan berapa lengkap persenjataan musuh, namun mereka tiada memberi kesan apa-apa terhadap pahlawan-pahlawan Islam itu, jikalau Allah tidak membenarkannya.

Jadi, mereka tahu bahawa Allah itu juga yang berkuasa dan memberi kuasa kepada seseorang untuk membinasakan seseorang yang lain. Di samping itu mereka berdoa dan berikhtiar mencari jalan sebaik-baiknya untuk mengalahkan musuh. Kemudian baharulah berserah kepada Allah setelah berikhtiar dijalankan dengan sedaya upaya. Pahlawan-pahlawan Islam itu bertekad bahawa mereka berperang bukan kerana apa-apa, melainkan semata-mata kerana Allah Yang Maha Besar. Ini menunjukkan bahawa keimanan itulah yang membawa kemenangan kepada setiap orang yang beriman. Perasaan takut dan ragu-ragu akan hapus di hati orang-orang yang kuat imannya. Allah akan menolong orang-orang yang beriman di setiap detik dan ketika.

Tidak takut mati:

Apabila keimanan telah kukuh tersemat di dada seseorang, ia tidak takut akan mati. Ia tahu bahawa tiap-tiap yang bernyawa akan mati, dan mati itu adalah kehendak Allah ke atas tiap-tiap yang bernyawa. Tiada apa dan tiada siapa pun yang boleh menghalangi kuasa Allah itu. Jadi, apakah yang ditakutkan mati? Bukankah dengan mati itu kita menghadap Allah jua? Pada hakikatnya jasmani kita sahaja akan mati, tetapi roh kita tetap hidup. Orang-orang yang beriman tiada takut

Islam dan Kepercayaan.

mati sebab ia tahu rohnya akan menghadapi Allah dengan senang dan mendapat keselamatan di Akhirat kelak.

Misalnya orang-orang yang berperang Sabil, mereka tidak takut mati, kerana mereka tahu mereka akan mendapat syurga di Akhirat kelak. Sungguhpun begitu bukanlah bererti kita biarkan sahaja orang membunuh kita atau kita sendiri membunuh diri. Ini adalah perbuatan yang dimurkai Allah. Tiap-tiap orang Islam wajib mempertahankan diri dan maruah mereka. Ini membuktikan bahawa orang-orang Islam patut bersifat berani mempertahankan kebenaran dan tidak dayus – tunduk sahaja kepada anasir-anasir jahat yang memperkosai kita.

Haq menghapuskan batil:

Amal ibadat kita adalah kerana keikhlasan hati kita menyembah Allah, bukanlah semata-mata kerana mengharapkan balasan syurga. Amal ibadat yang semata-mata kerana memperhambakan diri¹ kepada Allah itulah amal ibadat yang sebaik-baiknya.

Orang-orang yang beriman tidak sekali-kali gentar terhadap gertakan-gertakan dari musuh mereka. Kerana mereka tahu Allah jua yang berkuasa, dan Allah menolong orang-orang yang benar. Orang-orang beriman selalu bersifat benar. Mereka mendapat hidayah dan pertunjuk dari Allah Yang Maha Esa. Bukankah Allah telah berfirman bahawa tiap-tiap yang “haq” akan menghapuskan tiap-tiap yang “batil”? Yang benar pasti menang, dan yang salah pasti hancur.

Dengan keimanan, kita sentiasa tabah, berani, tekun dalam usaha-usaha kita. Kita tahu bahawa Allah ada bersama-sama dengan kita. Jasmani dan rohani kita selalu digerakkan oleh Allah kepada menuju matlamat kita dengan mengikut jalan yang diredhai-Nya. Kita mempunyai pendirian yang tegap dan gagah tidak terumbang-ambing, tidak tergoyang-goyang, tidak haru-biru. Dengan keimanan kita terhadap Allah itu, kita sentiasa berasa bahawa seolah-olah ada suatu kuasa Yang Maha Agung menolong kita. Kuasa itu ialah kuasa Allah Yang Maha Gagah lagi Perkasa.

Allah itu Maha Pemurah dan Maha Penyayang. Ia sentiasa melimpahkan kurnia-Nya yang tidak terhingga kepada manusia. Sedangkan orang-orang kafir dan orang-orang derhaka kepada-Nya pun mendapat kemurahan rezeki-Nya di atas dunia ini. Inikan pula kita orang-orang Islam, tentu sekali lebih dari itu. Perlulah kita berikhtiar dan berusaha dengan rajin lagi di samping selalu berdoa. Doa itu adalah senjata yang paling tajam bagi orang-orang mukmin.

Doa sahaja tidak mencukupi. Berserah sahaja tidak memadai. Kita terpaksa berikhtiar dan berusaha. Setelah cukup usaha dan ikhtiar yang terdaya oleh kita, maka kita berdoa dan berserah kepada Allah. Itulah pengajaran Islam yang sejati. Sedangkan Nabi pun sentiasa berusaha dan berikhtiar dalam setiap pekerjaannya. Doa orang-orang yang beriman dikabulkan Allah, bukankah kita memang selalu digalakkan berdoa?

Memikirkan kebesaran Allah:

Dengan selalu berfikir akan sifat-sifat ketuhanan Yang Maha Kuasa, kita akan

merasa dengan hati dan perasaan tentang keagungan Allah (S.A.W)². Ini membawa kita bertambah insaf kepada keadaan diri kita sendiri. Kita rasa diri kita tiada mempunyai kekuasaan apa-apa dan lemah sekali terhadap Allah. Kita kadang-kadang mencururkan air mata bila memikirkan kebesaran Allah. Perasaan kita penuh insaf, takut, dan menyerah kepada Allah. Perasaan beginilah yang menghapuskan perasaan berbangga-bangga diri, takbur, sombong, bongkak, hasad, dengki, khianat, suka kepada kejahatan, ujub, riak, terlalu kasih kepada harta dunia, kasih kepada pujian-pujian orang, kasih kepada pangkat dan kuasa, bahkan segala-gala sifat-sifat yang dibenci Allah.

Dengan keimanan tadi datanglah rasa keinsafan yang mendalam ke hati kita. Jiwa penuh dengan perasaan kehambaan yang sejati terhadap Allah. Kasih kita kepada Allah bertambah, dan inilah faktor yang membawa keimanan kita bertambah mendalam lagi. Bila kita kenang kepada Allah, kita berasa insaf kadang-kadang kita menangis. Kita seolah-olah tidak berdaya, malu akan kejahatan yang kita buat, dan takut kepada-Nya. Di sini dapatlah kita “menenal Allah” dengan hati dan perasaan kita. Baharulah kesedaran kita timbul dengan mengatakan bahawa sesungguhnya Allah Maha Berkuasa dan Maha Mengetahui. Iman kita akan bertambah menjadi darah daging kita. Orang yang begini sentiasa mendapat pertunjuk dan hidayah dari Allah kepada menuju jalan yang benar, selamat dan diredai-Nya dari dunia hingga ke Akhirat. Patutlah kita selalu berdoa kepada Ilahi agar Ia memberi pertunjuk

¹ Perkataan ‘diri’ diulang taip dalam teks Jawi.

² Perkataan sebenarnya adalah (S.W.T).

Islam dan Kepercayaan.

dan bimbingan kepada kita ke jalan yang benar dari dunia hingga ke Akhirat.

Rukun-rukun iman yang lain:

Orang-orang yang penuh beriman terhadap Allah akan tetap percaya kepada rukun-rukun iman yang lain – yaitu percaya kepada malaikat, rasul-rasul dan nabi-nabi, Hari Kiamat, kitab-kitab Allah, untung baik dan untung jahat yang datangnya dari Allah. Kita tahu tujuan hidup ini bukanlah semata-mata kerana hendak makan sahaja. Hanya binatang yang tujuan hidupnya semata-mata untuk memuaskan hawa nafsu sahaja. Tetapi bagi manusia tidak begitu. Manusia dikurniai Allah dengan akal fikiran. Akal fikiran inilah satu anugerah Tuhan yang maha berguna kepada manusia. Dengan akal fikiranlah manusia tinggi tarafnya dari binatang.

Ada juga orang yang menggunakan akal fikiran untuk membuat angkara di atas muka bumi ini. Maka orang-orang seperti inilah zahirnya manusia, tetapi batinnya adalah syaitan. Bagi orang-orang yang beriman kepada Allah zahir batinnya tetapi³ suci dan sentiasa didorong Allah kepada membuat kebaikan terhadap diri sendiri, terhadap masyarakat, negara, dan bangsa. Orang-orang ini tahu bahawa hidup ini kesudahannya mati. Mereka percaya kepada Hari Kiamat, di mana manusia mendapat balasan dari Allah atas segala perkara yang dilakukannya di masa hidupnya di dunia. Beruntunglah mereka yang menuntut keredaan Allah

di masa ia di dunia, dan menyesallah mereka yang telah menurut hawa nafsu syaitan.

Ingatkan mati:

Orang-orang yang beriman, sentiasa ingat akan mati. Ingat akan mati adalah satu faktor yang menolong kita kepada membuat amal ibadat yang soleh. Kita tahu dunia ini bukan kekal selama-lamanya. Jadi orang-orang yang beriman lebih mementingkan Akhirat dari dunia. Ini bukanlah bermakna kita mesti duduk sembahyang dan berzikir sahaja. Agama Islam adalah agama yang praktikal dan cocok di segala zaman.

Islam menggalakkan kita berusaha dan berikhtiar mencari kehidupan dengan secara halal. Islam menyuruh kita bekerja keras untuk keperluan hidup. Islam menyuruh kita menyelidik kejadian-kejadian alam. Islam menyuruh kita menuntut ilmu yang berguna walau sampai ke negeri China sekali pun. Islam menyuruh kita bersatu-padu, bertolong-tolongan, dan berkasih-kasih di antara satu sama lain. Islam menggalakkan kita berusaha bukan sahaja untuk kepentingan akhirat tetapi juga untuk kepentingan akhirat tetapi juga untuk kepentingan dunia juga. Di dalam berlumba-lumba mencari kebahagiaan dunia, kita diingatkan supaya sentiasa jangan lupa berlumba-lumba mencari kebahagiaan di akhirat. Dengan ini dapatlah kita dua kemenangan. Menang di dunia dan menang di akhirat. Inilah dia kehendak orang Islam yang sejati.

Ikhtiar dan usaha:

Kita tahu bahawa Allah yang memberi sesuatunya kepada kita. Allah memberi kita kesihatan, kecergasan,

kemurahan rezeki, dan sebagainya.

Bolehkah kita duduk sahaja di rumah, berserah, dan meminta doa sahaja agar kita mendapat rezeki? Ini tentu sekali tidak. Sungguhpun Allah memberi kita rezeki, tetapi rezeki itu perlu dicari dengan ikhtiar dan usaha kita. Bukanlah bererti kita berserah bulat-bulat sahaja kepada Allah tanpa sebarang usaha dan ikhtiar.

Mungkin ada orang yang berkata, “Apa boleh buat sudah nasibku!” Ini jangan diikutkan. Kita seharusnya jangan berserah bulat-bulat kepada nasib sahaja. Dengan izin Allah nasib kita boleh berubah. Apa yang perlu tindakan dari kita ialah ikhtiar, usaha, doa yang tulus ikhlas terhadap Allah. Allah Maha Pemurah, Ia tetap memberi segala permintaan kita. Allah tidak menganiaya seseorang, melainkan seseorang itu jualah yang menganiaya dirinya sendiri – oleh itu kita perlu bimbingan. Pintalah bimbingan dari Allah kepada jalan yang selamat dan benar dunia dan Akhirat.

Untuk menjadi tiruan, patutlah kita meniru pengajaran, perbuatan, dan perangai Nabi besar Muhammad (S.A.W) dialah sebaik-baik orang yang patut ditauladani. Mungkin kita berkata, “macam mana aku hendak menirunya, sedangkan ia tiada lagi di dunia ini?” Ini perkara senang. Bukankah hadith itu pengajaran dari Nabi besar kita? Bukankah ada beribu-ribu kitab tentang riwayat Nabi itu? Kita hanya tinggal membaca dan mengambil tauladan sahaja lagi dari pengajarannya itu.

³ Perkataan sebenar ialah ‘tetap’.

Islam dan Kepercayaan.

Al-Qur'an gedung ilmu:

Allah menurunkan ayat-ayat Qur'an untuk memberi pengajaran dan pertunjuk kepada manusia menyuruh kita memilih mana yang baik dan mana yang salah. Kita tahu bahawa Qur'an itu mengandungi pelbagai pengajaran, nasihat, hukum-hukum, serba ilmu untuk manusia, bahkan bolehlah dikatakan bahawa Qur'an itu gedung ilmu pengetahuan yang cukup lengkap untuk setiap zaman, segala keadaan, dan segala kaum manusia. Orang yang beriman percaya dan yakin 100% akan kebenaran Qur'an itu. Dari Qur'an kita mendapat pertunjuk kepada jalan yang benar. Sesungguhnya Qur'an itu penuh dengan hikmah yang tidak terhingga dan terkira. Kerana isi Qur'an itu datangnya dari Allah. Mustahil dapat ditandingi oleh manusia, walau macam mana bijak sekalipun. Bukankah Allah itu Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana?

Orang-orang Islam yang penuh beriman 100% pasti mendapat kebahagiaan yang sejati di dunia dan di akhirat. Inilah matlamat kita. Kita hendaklah supaya sentiasa di dalam keredaan Allah pencipta alam semesta. Amal ibadat kita adalah semata-mata kerana Allah. Semata-mata kerana menuntut keredaan Allah sesuai dengan keadaan kita sebagai hamba-Nya.

Penutup dan kesimpulan:

Sebagai penutup rencana kita ini maka dapatlah kita beberapa kesimpulan.

1. etiap orang Islam mestilah menanamkan rasa keimanan yang sejati terhdap Allah melalui kesedaran yang timbul dari hatinya sendiri. Kesedaran ini timbul dari pelajaran agama, pemikiran sendiri, petunjuk dari alim-ulama, peringatan kepada Allah dan sifat-sifat-Nya sepanjang masa, dan berbagai-bagai lagi.
2. Iman adalah satu tenaga pendorong yang kuat kepada seseorang untuk membuat kebaikan, membaiki akhlak, membuat suruhan Allah dengan hati yang ikhlas semata-mata kerana-Nya, menjadikan peribadi seseorang sempurna, dan sentiasa insaf kepada Allah.
3. Dengan iman, seseorang menjadi manusia yang sentiasa tabah menentang halangan, dan beroleh kemenangan di dunia dan akhirat.
4. Hati dan pemikiran orang-orang yang beriman kepada Allah sentiasa terang, luas, dan pintar kerana sentiasa mendapat taufik dan hidayah dari Allah yang Maha Pemurah.
5. Marilah kita bersama-sama kembali kepada ajaran Qur'an dan hadith dan hapuskan segala ajaran yang berupa saduran atau yang tidak bersesuaian dengan Qur'an dan hadith. Bersama-samalah kita mempelajari agama Islam – agama yang diakui Allah itu dengan memperdalami hakikatnya dan beramal dengan pengajaran yang dibawanya moga-moga kita mendapat pertunjuk dari Allah kepada jalan yang benar dan mendapat kemenangan dari dunia hingga ke Akhirat. *Amīn amīn amīn, yā rabb al- 'ālamīn!*

Menguji keteguhan peribadi

Para pembaca yang budiman! Di bawah ini kami hidangkan lima soalan untuk menguji keteguhan peribadi saudara-saudara. Sekiranya empat daripada soalan-soalan ini saudara-saudara jawab dengan perkataan “Ya” maka itu sudah menunjukkan saudara adalah dari golongan orang yang mempunyai peribadi yang teguh. Sila jawab soalan-soalan di bawah ini dengan amanah!

1. Adakah saudara jika bertemu dengan seorang kawan yang mengidap penyakit selesema, kemudian saudara dapat menahan diri daripada menganjurkan kepadanya supaya ia mengubati penyakit yang dihidapinya dengan ubat yang selalu saudara gunakan di masa saudara mengidap penyakit tersebut?
2. Adakah saudara membeli tali sepatu yang baharu sebelum tali sepatu saudara yang lama putus?
3. Adakah saudara suka mengatur dan mengemaskan buku-buku di dalam perpustakaan saudara di rumah dengan menggunakan tenaga sendiri sewaktu saudara melihat buku-buku itu berselerak di dalam almari buku-buku saudara?
4. Adakah saudara dapat menahan diri saudara daripada memegang tembok atau dinding yang baharu disapu cat untuk mengetahui bahawa cat itu sudah kering atau belum? Sedang di sisi tembok atau dinding itu ada tergantung suatu papan tanda yang bertulis: “Awat daripada cat”!
5. Adakah saudara dapat menahan diri saudara daripada mungkin loceng lif padahal sebelum saudara tiba di muka lif itu sudah ada beberapa orang yang sedang menunggu-nunggu lif itu turun? – **Al-Mursyidi.**